



**MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU**  
**JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN**

**KENYATAAN TAWARAN KERAJAAN NEGERI TERENGGANU**

Tawaran adalah dipelawa daripada pemborong atau syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** ( Penyewaan Dan Pengurusan Ruang Niaga ) Kod **221506** dan tajuk masih sah serta dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja perkhidmatan berikut :-

1	NO SEBUTHARGA MBKT SH57/2017	TAWARAN PENGURUSAN TAPAK KARNIVAL RAMADHAN 2017 DI DATARAN SHAHBANDAR KUALA TERENGGANU . Taklimat : 23 April 2017 ( Ahad ) * Diwajibkan Jam : 10.00 pagi Tempat : Dewan Tunku Abdul Rahman (TAR) Kuala Terengganu.
---	---------------------------------	---

1. Dokumen Sebutharga boleh didapati semasa waktu pejabat **di Jabatan Kesihatan Persekitaran Tingkat 6**, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu dengan harga **RM 15/= senaskah**. Untuk maksud ini wakil-wakil pemborong atau syarikat hendaklah membawa bersama-sama Sijil Pendaftaran Asal Kementerian Kewangan Malaysia dan **satu salinannya** hendaklah dibawa bersama semasa membeli **Dokumen Sebutharga**.
2. Satu salinan **Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia** dan Rekod Pengalaman Kerja (Pembekalan) dalam bidang berkaitan hendaklah dikembalikan bersama sebutharga di dalam sampul surat dan dihantar ke alamat:

**DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA**  
**KUALA TERENGGANU.**

dengan menulis disebelah luar “ **No. Sebutharga seperti contoh MBKT SH. 57/2017** ” dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Bahagian Pengurusan Kontrak Dan Pelaburan , Tingkat 1, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu tidak lewat daripada **12.00 tengahari pada 4 Mei 2017 (Khamis)**.

3. **Taklimat** adalah **diwajibkan** sebagaimana tarikh dan masa yang tercatat di atas. Pemborong atau syarikat yang tidak hadir pada sesi taklimat tidak layak mendapatkan dokumen sebutharga ini.
4. Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima tawaran yang tertinggi sekali ataupun mana-mana tawaran.

5. Sebutharga ini akan dijual mulai **25 April 2017 (Selasa)** hingga **3 Mei 2017 (Rabu)** pada waktu pejabat sahaja.
6. Pemborong atau syarikat perlu melampirkan **penyata bank syarikat bagi 3 bulan** terakhir yang **disahkan oleh Pegawai bank** berkenaan.
7. Pemborong atau syarikat yang berjaya tetapi enggan menjalankan kerja-kerja ini selepas sebutharga disetujuterima atau menarik balik sebutharga selepas keputusan dibuat maka lesen pemborong atau syarikat akan disyorkan untuk disenarai hitamkan kepada pihak berwajib.



**( HAJI MOHD ZULKIFLI BIN ABU BAKAR )**

Datuk Bandar

Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.